

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48 (6)

FATWA HUKUM VAKSIN COVID-19

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48 (6) Enakmen itu.

1. Menurut prinsip Islam, ubat-ubatan termasuk vaksin yang dibenarkan untuk digunakan mestilah terdiri daripada bahan-bahan yang baik (*toyyib*) dan halal, serta tidak mempunyai unsur-unsur yang mendatangkan mudharat kepada kesihatan badan dan akal manusia.
2. Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor mendapati bahawa dalam proses penghasilan Vaksin Covid-19 yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ini, tiada mengandungi sebarang bahan-bahan yang tidak halal sama ada dari sumber haiwan atau bahan-bahan yang diragui dari aspek syarak.
3. Justeru, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor bersetuju memutuskan bahawa hukum penggunaan Vaksin COVID-19 adalah diharuskan. Walaubagaimanapun, sekiranya vaksin COVID-19 tersebut mendatangkan mudharat secara umum dan meluas kepada kesihatan badan dan akal manusia, maka penggunaannya adalah dilarang.

Bertarikh 22 Jamadil Akhir 1442 / 4 Februari 2021

[JMJ.351/04/01/6/53; PPUUNJ.(R).600-1/5/8(25)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD

Mufti Negeri Johor

HAJI ZAINAL BIN ERAN

Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor